

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SEU331 - Kewangan Antarabangsa

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan dari Bahagian A dan mana-mana DUA (2) soalan dari Bahagian B. Setiap soalan diberi markah yang sama.

Bahagian A

Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian ini

Soalan 1 (100 markah)

- (a) Bincangkan kedudukan akaun semasa imbangan pembayaran Malaysia sejak tahun 1990. Apakah implikasinya?
- (b) Huraikan punca-punca masalah dalam akaun semasa imbangan pembayaran Malaysia.
- (c) Berikan sebab-sebab mengapa penting bagi Malaysia memelihara akaun semasa imbangan pembayaran yang sihat.
- (d) Nyatakan dan nilaiakan langkah-langkah kerajaan Malaysia untuk memperbaiki dan mengukuhkan kedudukan akaun semasa imbangan pembayaran Malaysia. Cadangkan sebarang langkah tambahan yang diperlukan.

Soalan 2 (100 markah)

- (a) Bincangkan punca-punca krisis mata wang Asia yang tercetus pada pertengahan tahun 1997.
- (b) Apakah peranan yang dimainkan oleh spekulator mata wang dalam krisis mata wang Asia? Dalam jawapan anda, bezakan di antara spekulasi yang menstabilkan dan menyahstabilkan.
- (c) Nilaikan peranan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di Thailand, Indonesia dan Korea Selatan dari segi keberkesanannya syarat-syarat dan program-program reformasi yang dikenakan terhadap negara-negara tersebut bagi memulihkan ekonomi negara masing-masing.
- (d) Bagaimanakah Malaysia yang juga sedang menghadapi kegawatan ekonomi dapat mengelakkan daripada meminta bantuan IMF? Berikan sebab-sebab mengapa kerajaan Malaysia tidak mahu memohon bantuan IMF.
- (e) Apakah dasar-dasar dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia setakat ini untuk mengatasi krisis ekonomi yang melanda negara kita? Pada pandangan anda adakah langkah-langkah dan dasar-dasar ini berkesan?
- (f) Apakah pelajaran yang kita boleh pelajari daripada krisis mata wang Asia ini?

Bahagian B

Jawab mana-mana DUA (2) soalan dari Bahagian ini.

Soalan 3 (100 markah)

- (a) Huraikan struktur sistem kewangan antarabangsa pada masa kini dari segi susunan kadar pertukaran.
- (b) Huraikan rejim kadar pertukaran yang diamalkan oleh Malaysia pada hari ini.
- (c) Berikan sebab-sebab mengapa negara-negara besar lebih mengutamakan sistem kadar pertukaran fleksibel sementara negara-negara kecil mungkin memilih sistem kadar pertukaran tetap.
- (d) Apakah masalah-masalah utama yang telah timbul dari sistem kewangan antarabangsa pada hari ini?
- (e) Cadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah berhubung dengan sistem kewangan antarabangsa masa kini.

Soalan 4 (100 markah)

- (a) Tiga pendekatan utama untuk menganalisis kesan ekonomi daripada penurunan atau susut nilai mata wang adalah pendekatan keanjalan, pendekatan penyerapan dan pendekatan kewangan. Bezakan di antara ketiga-ketiga pendekatan ini.
- (b) Analisikan kesan susut nilai ringgit Malaysia sejak pertengahan Julai 1997 terhadap daya saing, imbalan dagangan, inflasi, hutang luar, pelaburan domestik, pengangguran dan pertumbuhan ekonomi Malaysia.
- (c) Huraikan syarat Marshall-Lerner dalam konteks kejatuhan nilai ringgit Malaysia.
- (d) Jelaskan tentang kesan keluk J. Adakah kesan ini didapati berlaku dalam kes susut nilai ringgit Malaysia yang dialami sejak pertengahan Julai 1997?
- (e) Jelaskan bagaimanakah kita dapat menilaikan sama ada ringgit terlebih atau terkurang nilai pada masa sekarang? Berdasarkan cara tersebut, adakah ringgit dianggap terlebih atau terkurang nilai? Apakah implikasi penjajaran yang salah tentang nilai luar ringgit terhadap imbalan dagangan Malaysia?
- (f) Apakah strategi yang telah dicadangkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara untuk menstabilkan dan mengukuhkan nilai ringgit Malaysia? Pada pandangan anda adakah strategi ini dapat memulihkan kestabilan ringgit?

Soalan 5 (100 markah)

- (a) Bandingkan pendekatan-pendekatan imbalan pembayaran, pariti kuasa beli, kewangan, imbalan portfolio dan jangkaan bagi menerangkan pergerakan kadar pertukaran.
- (b) Apakah ramalan setiap pendekatan tersebut tentang pergerakan kadar pertukaran?
- (c) Bezakan di antara perlindungan nilai dan spekulasi di pasaran pertukaran asing.
- (d) Bezakan di antara arbitraj bunga tak terlindung dan arbitraj bunga terlindung.
- (e) Bezakan di antara konsep pariti arbitraj bunga tak terlindung dan pariti arbitraj bunga terlindung.